

‘Risiko manipulasi harga saham tidak boleh dielak’

Pelabur runcit diminta waspada, bijak menilai pasaran

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

Risiko manipulasi harga saham oleh pengaruh dan pemegang saham utama mengguraukan kaedah ‘pump and dump’ tidak dapat dielakkan berlaku dalam pasaran saham tempatan.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Pemantau Pemegang Saham Minoriti (MSWG), Devanesan Evanson, berkata ada kalanya harga saham akan didorong untuk meningkat oleh pemegang saham utama bagi membolehkan mereka menjual saham pada harga tinggi, sekali gus memperoleh keuntungan.

Katanya, lazimnya dalam situasi sebegini harga saham kaunter tertentu akan meningkat dengan drastik sebelum turun semula secara mendadak, sekali gus menyebabkan kesan negatif kepada pemegang saham minoriti.

“Pemegang saham minoriti harus ‘berasa curiga’ apabila harga saham secara tiba-tiba melonjak tanpa alasan atau ritma peningkatan.

“Pergerakan sedemikian adalah tidak rasional kerana asasnya tidak berubah dan tidak ada pengumuman berita positif.”

“Secara amnya, mestilah ada asas untuk pergerakan harga



Harga saham kaunter tertentu akan meningkat dengan drastik sebelum turun semula secara mendadak sekali gus menyebabkan kesan negatif kepada pemegang saham minoriti.

(Foto ihsan)

semula secara mendadak, sekali gus menyebabkan kesan negatif kepada pemegang saham minoriti.

“Pemegang saham minoriti harus ‘berasa curiga’ apabila harga saham secara tiba-tiba melonjak tanpa alasan atau ritma peningkatan.

“Pergerakan sedemikian adalah tidak rasional kerana asasnya tidak berubah dan tidak ada pengumuman berita positif.”

“Secara amnya, mestilah ada asas untuk pergerakan harga

yang besar.

“Sekiranya terdapat pergerakan harga saham yang besar tanpa asas, pemegang saham minoriti harus berhati-hati,” kata

Nazarry Rosli, berkata kepada BH ketika dihubungi di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Devanesan berkata, pemegang saham minoriti juga perlu

nasihati pelabur untuk berhati-hati dan membuat keputusan yang tepat dalam perdagangan saham syarikat.

Beliau berkata, makluman da-

ripada badan pengawal selia itu kebiasaannya pasti mempunyai alasan yang kukuh.

Sementara itu, Presiden Persuaran Remisier Bumiputera Malaysia, Nazarry Rosli, berkata pelabur runcit sentiasa dimasihati supaya melihat kepada asas fundamental syarikat terlebih dahulu sebelum membuat keputusan melabur.

“Mereka juga sering diingatkan supaya tidak mengejar harga saham yang sedang naik dengan tiba-tiba dan secara mendadak.

“Ta akan mengundang risiko sangat besar yang mana harga saham boleh turun dengan pantas selepas itu,” katanya.

Nazarry berkata, pelabur runcit juga perlu sentiasa mengawal kehendak mereka agar tidak terjebak dalam aktiviti spekulasi yang boleh mengundang kerugian besar dalam jangka waktu singkat.

Pelabur runcit diingatkan tidak terjebak dalam aktiviti spekulasi yang boleh mengundang kerugian besar dalam jangka waktu singkat.

Devanesan Evanson,

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Pemantau

Pemegang Saham Minoriti

Pelabur runcit diingatkan tidak terjebak dalam aktiviti spekulasi yang boleh mengundang kerugian besar dalam jangka waktu singkat.